

07 APR 2002

Masjid-Kristal

MASJID KRISTAL AKAN DIBINA DI PULAU REBAK

LANGKAWI, 7 April (Bernama) -- Langkawi akan menampilkan satu lagi tarikan baru yang dapat menggamit kunjungan pelancong -- pembinaan sebuah masjid yang diperbuat daripada kristal di Pulau Rebak di sini, tidak lama lagi.

Masjid itu akan dibangunkan oleh LangkawiiCrystal Sdn Bhd iaitu pengeluar utama barangan kristal negara.

Pengarah Urusan kumpulan syarikat itu Abdoul Rahman Abdullah hari ini berkata ciri menarik masjid seluas 853 meter persegi itu ialah ia dibina di atas laut berdekatan perkampungan kristal di Pulau Rebak.

Masjid itu, yang dianggarkan bernilai RM22 juta, mampu menampung 120 jemaah pada satu-satu masa dan reka bentuknya dibuat oleh firma arkitek, DBA Arkitek Sdn Bhd, yang berpejabat di Kuala Lumpur.

Pembinaan masjid pertama seumpamanya di dunia itu akan menjadi lambang kejayaan seni bina tempatan di samping menonjolkan kejayaan dan kemajuan umat Islam negara ini, katanya kepada Bernama selepas memberi penerangan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai cadangan syarikat itu membina masjid berkenaan di Pulau Rebak di sini.

Sebelum itu, Dr Mahathir meninjau operasi perkampungan kristal yang menggabungkan seni bina tempatan dengan konsep pengeluar utama kristal di Pulau Morano, Itali.

Abdoul Rahman berkata masjid itu dijangka siap dalam tempoh 18 bulan dan bakal menjadi tarikan terbaru pelancong yang mengunjungi perkampungan kristal.

Menurutnya beberapa kakitangan syarikat itu, yang merupakan pereka barangan unik daripada kristal, akan dihantar ke Shanghai, China bagi mendalami seni memotong dan mencanai kristal.

-- BERNAMA

NH NAK